

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang 1987/88

FFP 361 Farmasi Forensik

Tarikh: 28 Jun 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari

(3 jam)

Kertas ini mengandungi ENAM soalan.

Jawab SEMUA soalan.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

. . . 2/-

1. Seorang ahli farmasi berlesen, En. X, sedang melancong di Jerman Barat. Sebelum kembali ke Malaysia, ia menerima panggilan telefon daripada pengurus kilangnya, En. Y, menyatakan bahawa mereka kehabisan serbuk kodein untuk membuat campuran batuk. Kilang itu memerlukan serbuk kodein 1 tin berat 1 kg. Jika anda adalah En. X, terangkan bagaimana anda menasihatkan pengurus En. Y untuk mendapatkan serbuk kodein daripada Jerman Barat.

(17 markah)

2. Bincangkan akibat-akibat tindakan yang boleh diambil di bawah Ordinan Racun 1952 dan Ordinan Pendaftaran Ahli Farmasi 1951 terhadap seorang ahli farmasi berdaftar yang telah menjual 5 tablet Diazepam Tablet kepada seorang budak muda yang tidak mempunyai preskripsi doktor.

(17 markah)

3. Tuliskan label untuk perkara-perkara berikut seperti yang dikehendaki oleh perundangan yang sedia ada:
 - (i) Defenhidramin 50 mg Kapsul
 - (ii) Turpentin Linimen B.P.
 - (iii) Metakualon 200 mg Tablet
 - (iv) Asid Hidroklorik 'concentrated'

(16 markah)

4. (a) Bagaimanakah sebuah kilang boleh mendapatkan 5,000 kg sodium hidroksid untuk kegunaannya sendiri?
- (b) Di dalam keadaan apakah seseorang itu boleh menjual 10 tablet Tablet Klorfeniramin 4 mg secara runcit?

(17 markah)

5. Andaikan anda seorang ahli farmasi dan mempunyai sebuah kedai farmasi. Seorang pembantu pejabat, Radzi bin Abdullah, telah datang membawa suatu preskripsi untuk majikannya Encik Ahmad bin Ali. Preskripsi tersebut telah ditulis oleh seorang pengamal perubatan am yang anda kenal, Dr. S. Gurusamy. Preskripsi tersebut adalah seperti berikut:

Encik Ahmad bin Ali,
Pulau Pinang

R_x

Tetrasiklin Kap. 250 mg.	15 kap.
1 t.i.d	
Tab. Petidin 50 mg	20 tab.
1 q.d.s.	
Linktus Simplex B.P.C.	60 ml
1 camca t.i.d	

Tandatangan: Dr. S. Gurusamy

. . . 4 / -

Komen tentang preskripsi ini. Jika anda perlu mendispens preskripsi tersebut, apakan tindakan dan prosedur yang patut anda lakukan untuk memenuhi keperluan berkanun?

(17 markah)

6. (a) Anda sedang memajukan suatu bahan farmaseutik baru di dalam pasaran. Untuk tujuan ini, anda ingin mencetak risalah-risalah untuk diedarkan. Bincangkan bagaimana anda dapat berbuat demikian.
- (b) Komen tentang iklan berikut yang telah diterbitkan di dalam akhbar tempatan:

QUEEN BEE BRAND
ROYAL JELLY POWDER

Amat berzat!
Makanan Kesihatan Paling Baik yang Ada!
Didapati di dalam 'sachet' yang mudah

Juga baik untuk:-
Meningkatkan rintangan badan terhadap
berbagai penyakit
Memerangi batuk dan selsema

Boleh didapati di semua kedai farmasi,
setor-setor ubat dan pasaraya terkemuka

(16 markah)

-ooOoo-